

63 mangsa banjir dua kampung dibenar pulang

KEMAMAN: Seramai 63 mangsa banjir dari Kampung Teladas dan Kampung Tanjung, Air Putih, dekat sini, yang dipindahkan berikutan berikutan melanda dua kampung berkenaan kelmarin, sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing pagi semalam.

Semua mangsa terpaksa dipindahkan berikutan banjir menenggelami rumah masing-masing setinggi 0.5 hingga 1.0 meter akibat hujan lebat sejak dua hari lalu.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Abdullah Sani Salat, berkata semua mangsa dari dua kampung berkenaan dipindahkan secara berperingkat ke Dewan Serbaguna Kampung Teladas sejak jam 5 petang kelmarin.

Menurutnya, penduduk di Kampung Teladas kini terputus hubungan dengan pekan Air Putih apabila sebuah jambatan yang menghubungkan kampung terbabit dengan pekan berkenaan ditenggelami air sedalam lebih dua meter berikutan hujan yang berterusan.

Katanya, jambatan berkenaan turut ditutup kepada semua kenderaan.

"Kejadian banjir itu turut disebabkan paras air Sungai Kemaman dan Sungai Air Putih yang naik ekoran hujan lebat sejak dua hari lalu dan melimpah serta membanjiri kawasan kediaman penduduk termasuk Kam-



PRIHATIN...Wan Abdul Hakim (kanan) menemui mangsa banjir di Kampung Teladas Air Putih, semalam.

pung Teladas dan Kampung Tanjung.

"Semua mangsa mula dipindahkan sejak jam 5 petang semalam (kelmarin) apabila kawasan kediaman mereka dinaiki air sedalam antara 0.5 meter hingga 1.0 meter," katanya.

Menurutnya, paras air beberapa sungai di daerah ini juga dilaporkan kian meningkat dan semua pihak sudah bersiap sedia termasuk polis, Bomba dan Penyelamat, Ikatan Relawan Rakyat

Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Wan Abdul Hakim Wan Mokhtar yang meninjau kawasan terbabit berkata, Pejabat Khidmat Masyarakat DUN Air Putih sudah membuka bilik gerakan banjir di kampung terbabit bagi menyalurkan bantuan.

"Kita menjangka kemungkinan paras air Sungai Air

Putih semakin naik ekoran hujan berterusan sejak dua hari lalu dan sehingga kini pelbagai persiapan rapi sudah dibuat bagi menghadapi sebarang kemungkinan banjir lebih besar.

"Semua persiapan seperti bot, bekalan makanan serta perkara berkaitan sudah disediakan dan penduduk yang tinggal di kawasan rendah diminta bersiap sedia untuk dipindahkan serta sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa," katanya.